

# Penghutan Semula Bawa Keajaiban: L'Eden by Perrier-Jouët Dibuka di Shanghai

SHANGHAI, 3 Mac 2017/PRNewswire/ --

Selepas Miami, Tokyo dan London, Shanghai ialah bandar dunia terkini yang menemui "L'Eden by Perrier-Jouët", pengalaman jenama canggih oleh Perrier-Jouët Champagne yang mengubah alam semula jadi – sumber inspirasinya yang berkekalan - menjadi dunia penuh keajaiban bagi era digital.

Untuk melihat Siaran Berita Multimedia, sila klik:

<https://www.multivu.com/players/uk/8055851-rewilding-eden-perrier-jouet-shanghai/>

L'Eden by Perrier-Jouët berlangsung dari 7 hingga 12 Mac 2017 dalam konteks Design Shanghai, peneraju acara rekaan antarabangsa Asia, dan Maison Perrier-Jouët merupakan rakan kongsi champagne rasmi. Syarikat ini mengambil alih ruang di dalam bandar dengan visi uniknya untuk “penghutan semula” – membawa alam semula jadi yang eksotik dan subur ke lokasi bandar yang tidak dijangka untuk mewujudkan citra keajaiban.

Masuk ke L'Eden by Perrier-Jouët melalui pagar berlampu yang memukau, tetamu akan tenggelam ke dalam dunia yang mempersonakan dengan kehijauan subur dan bunga yang berkembang mekar, didiami oleh makhluk-makhluk ajaib yang menyampaikan pesanan misteri kepada mereka. Sambil mereka bersiar-siar melalui ruangan tersebut, mereka akan menjumpai satu siri pemasangan canggih, termasuklah studio foto yang menakjubkan dan 'Extra Natural', karya seni digital eksperiensial oleh Miguel Chevalier.

Di tengah-tengah ruangan ini ialah tafsiran semula simpanan wain Eden Maison Perrier-Jouët yang terkenal di Epernay, merupakan tempat penyimpanan bagi wain vintaj yang jarang ditemui dan berharga. Pakar Simpanan Wain Hervé Deschamps hadir di Shanghai menawarkan sesi merasa wain eksklusif campuran (*cuvées*) Perrier-Jouët Belle Epoque yang ulung dengan motif ikonik anemone putih, dihasilkan untuk Syarikat oleh pakar Seni Nouveau Emile Gallé.

L'Eden by Perrier-Jouët Shanghai dibuka pada 7 Mac dengan majlis mempersonakan bagi pekerja 188, dan tetamu kehormatnya ialah Shawn Dou. Tokoh lain yang hadir termasuklah Ye Mingzi dan Zhao Lei.

Ruangan tetap dibuka siang dan malam sepanjang tempoh Design Shanghai, menawarkan acara yang menarik, termasuklah kelas pakar champagne dan ceramah reka bentuk. Hiasan semula jadi mewah berubah secara misteri dari siang ke malam untuk mewujudkan suasana memukau yang meningkatkan lagi pengalaman liar dan indah ini.

Terkenal dengan hubungan yang sekian lama dengan dunia seni, Maison Perrier-Jouët mentafsirkan semula warisan Seni Nouveau bagi abad ke-21, menggabungkan alam semulajadi ke dalam pengalaman berbilang deria luar biasa iaitu L'Eden by Perrier-Jouët.

(Foto: [http://mma.prnewswire.com/media/474422/Maison\\_Perrier\\_Jouet.jpg](http://mma.prnewswire.com/media/474422/Maison_Perrier_Jouet.jpg))

Sumber: Maison Perrier-Jouët

Antoine Flament, [antoine.flament@pernod-ricard.com](mailto:antoine.flament@pernod-ricard.com), +33 1 53 23 89 65